

1. Definisi dan Tafsiran

- 1.1. Melainkan dinyatakan dengan jelas sebaliknya, takrif dan taksiran berikut hendaklah terpakai:
 - a) **"Bank"** bermaksud Bank Simpanan Nasional.
 - b) **"Harga Belian"** bermakna harga untuk urusan pembelian Komoditi yang dilakukan oleh pihak Bank sebagai ejen Pelanggan yang mana jumlahnya bersamaan dengan jumlah deposit.
 - c) **"Harga Jualan"** bermakna bayaran oleh pihak Bank dalam transaksi Murabahah Komoditi untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan yang mana jumlahnya bersamaan dengan Harga Belian ditambah dengan margin keuntungan.
 - d) **"Hari Niaga"** bermaksud hari bekerja di mana Bank beroperasi di Malaysia Barat dan Malaysia Timur (tidak termasuk cuti umum).
 - e) **"Komoditi"** bermakna barang atau aset pendasar yang dibenarkan oleh Syariah.
 - f) **"Murabahah"** merujuk kepada jual dan beli aset di mana kos pemerolehan dan margin keuntungan dinyatakan kepada pembeli.
 - g) **"Notis yang memadai"** bermaksud notis awal dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh kuatkuasa.
 - h) **"Pelanggan"** bermaksud Pemegang Skim termasuk organisasi perniagaan atau bukan perniagaan, badan kerajaan, syarikat yang diperbadankan di Malaysia, entiti, kelab, persatuan dan lain-lain, melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
 - i) **"Rebat"** merujuk kepada 'pengecualian hak tuntutan' yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mempunyai kewajipan yang harus diberi.
 - j) **"Skim"** bermaksud BSN MyFortune, iaitu deposit skim di bawah produk BSN Term Deposit-i di mana Pelanggan adalah layak untuk cabutan di bawah Skim ini seperti yang dinyatakan di Terma dan Syarat BSN MyFortune Kempen.
 - k) **"Tarikh Matang"** merujuk kepada tarikh di mana deposit Pelanggan boleh dikeluarkan berdasarkan kepada tempoh matang yang dipersetujui dan dinyatakan di dalam Skim.
 - l) **"Wakalah"** bermaksud suatu kontrak di mana satu pihak (muwakkil) memberi kebenaran kepada pihak yang lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan fi.

2. Konsep Syariah

- 2.1. Konsep Syariah yang digunakan adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani.
- 2.2. Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (kontrak Perwakilan) dengan menggunakan struktur '*dual agency*' yang merangkumi:
 - a) Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada pihak ketiga.
 - b) Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menyempurnakan penjualan Komoditi secara Murabahah kepada Bank.
- 2.3. Terma dan syarat bagi pelantikan bank sebagai wakil dan transaksi perdagangan Tawarruq adalah seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat bagi Term Deposit Islamik dari semasa ke semasa.

3. Kelayakan

- 3.1. Skim ini terpakai kepada semua Pelanggan bukan individu yang baharu dan sedia ada dengan Bank yang terdiri daripada entiti perniagaan atau bukan perniagaan, termasuk perkongsian, pemilikan tunggal, syarikat, kelab, persatuan, organisasi dan badan berkanun atau entiti-entiti yang lain yang terima oleh Bank dari semasa ke semasa.

4. Permohonan

- 4.1. Pelanggan yang ingin menyertai Skim ini boleh membuat permohonan melalui borang yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- 4.2. Kelayakan adalah tertakluk kepada umur minimum, deposit minimum, dokumen pengenalan yang lengkap dan lain-lain keperluan yang mungkin dikenakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

5. Peletakan Deposit

- 5.1. Pelanggan hendaklah mendepositkan minimum RM5,000 bagi pembukaan Skim.
- 5.2. Peletakan deposit akan berkuatkuasa pada Hari Niaga.
- 5.3. Tempoh peletakan bagi Skim ialah 1,3,6,9 dan 12 bulan.

6. Penebusan

- 6.1. Penebusan awal atau permintaan awal terhadap Harga Jualan (amaun deposit beserta keuntungan) Skim sebelum tarikh matang adalah dibenarkan bagi jumlah deposit prinsipal sahaja. Pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju untuk memberi rebat (Ibra') dengan melepaskan keseluruhan keuntungan dari Harga Jualan yang dipersetujui, di mana tiada keuntungan akan diberikan tanpa mengira tempoh bulan lengkap ketika penebusan awal.

7. Pembaharuan

- 7.1. Pelanggan boleh membuat pembaharuan automatik / *rollover* bagi Skim ini dengan memberi arahan pembaharuan automatik semasa peletakan deposit.
- 7.2. Pembaharuan automatik / *rollover* yang dinyatakan di dalam klaus 8.1 di atas adalah dibenarkan untuk jumlah prinsipal atau jumlah prinsipal bersama keuntungan ketika tempoh matang.
- 7.3. Skim tidak boleh dipindah milik, diniagakan atau dicagarkan kepada pihak lain tanpa kelulusan bertulis dari Bank.

8. Keuntungan

- 8.1. Kadar keuntungan bagi Skim akan ditentukan terlebih dahulu oleh Bank. Kadar keuntungan adalah tersedia dan dipaparkan di cawangan-cawangan Bank dan laman www.bsn.com.my ("laman_sesawang Bank").
- 8.2. Keuntungan akan dibayar pada tempoh matang dan akan dikreditkan ke dalam akaun deposit Pelanggan dengan Bank.

- 8.3. Bank berhak mengikut budi bicara pada bila-bila masa untuk menyemak semula kadar keuntungan dengan mengemukakan notis kepada Pelanggan dengan memaparkan kadar semak semula di cawangan-cawangan Bank dan/atau di laman sesawang Bank. Sebarang perubahan pada kadar keuntungan hanya akan terpakai kepada peletakan baharu / pembaharuan Skim.

9. Wang Tak Dituntut

- 9.1. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk memastikan Skim mereka aktif dengan sentiasa mengemaskini Skim tersebut sekurang-kurangnya sekali dalam 7 tahun dari tarikh transaksi terakhir dilakukan.
- 9.2. Mana-mana wang berbaki kredit di dalam Akaun yang tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun dari tarikh transaksi terakhir (selain daripada transaksi kredit / debit yang dikendalikan oleh Bank dan pembaharuan automatik Skim oleh sistem) akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". Bank akan menutup Akaun tersebut dan memindahkan baki wang kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 dan pindaan keatasnya. Sebarang tuntutan untuk wang tersebut hendaklah dilakukan oleh Pelanggan secara terus melalui Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- 9.3. Bank hendaklah memberikan notis yang memadai, memaklumkan Pelanggan berkenaan pemindahan wang tersebut dan Pelanggan boleh mengaktifkan Skim mereka mengikut kaedah dan syarat pengaktifan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat bagi Term Deposit Islamik dari semasa ke semasa.
- 9.4. Keuntungan ke atas Skim akan diberhentikan apabila Skim telah menjadi Wang Tak Dituntut.

10. Lain-lain Terma dan Syarat

- 10.1. Dengan menyertai Skim ini, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, Terma dan Syarat bagi Term Deposit Islamik dan terma dan syarat berkaitan yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa yang boleh didapati di laman sesawang Bank.
- 10.2. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk mengakses laman sesawang Bank secara berkala untuk memastikan Pelanggan sentiasa dikemaskini dengan apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.
- 10.3. Pelanggan dengan ini membenarkan butiran peribadi Pelanggan termasuk dan tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN untuk tujuan Skim ini. Pelanggan juga bersetuju untuk terikat dengan Klausus Pendedahan Maklumat dan Data Peribadi Pelanggan sepertimana yang terkandung dalam Terma dan Syarat bagi Term Deposit Islamik serta Polisi Privasi yang boleh diakses di laman web Bank www.bsn.com.my.
- 10.4. Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan kepada pihak Bank sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi, penandatangan yang dibenarkan atau butiran lain dengan mengunjungi Cawangan Bank, sekiranya gagal, pihak Bank berhak untuk bergantung kepada butiran terakhir yang diketahui di dalam rekod Bank.
- 10.5. Bank berhak untuk menambah, memansuh atau meminda mana-mana peruntukan yang terkandung di sini dengan memberi notis yang memadai kepada Pelanggan.
- 10.6. Sekiranya terdapat apa-apa perengganahan di antara Terma dan Syarat dengan mana-mana pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubung Skim ini, Terma dan Syarat terkini di laman sesawang Bank adalah terpakai.
- 10.7. Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.